

**PERANAN TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA
(TLDM) DALAM KONTEKS DASAR
MARITIM NEGARA**

oleh

MUHAMAD YUNUS BIN AHAD

Tesis diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan

FEBRUARI 1995

*Untuk isteriku Faridah Hanan Bte Abdul Aziz dan kedua
anakku Nazatul Fida dan Norul Naquiah.*

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PENGESAHAN PEMERIKSAAN TESIS

SENAT PADA 19/6/95
TELAH MENGESAHKAN
PENGANUGERAHAN IJAZAH
SARJANA SAINS / DOKTOR
FALSAFAH KEPADA CALON
MUHAMAD YUNUS AHAD

KAMI, AHLI-AHLI JEMAAH PEMERIKSAAN TESIS YANG DILANTIK OLEH SENAT UNTUK MEMERIKSA TESIS YANG BERTAJUK "PERANAN TENTERA LAUT DI RAJA-MALAYSIA (TLDM) DALAM KONTEKS DASAR MARITIM NEGARA" YANG DISERAHKAN OLEH ENCIK MUHAMAD YUNUS AHAD BAGI MEMENUHI KEPERLUAN IJAZAH SARJANA SAINS KEMASYARAKATAN DENGAN INI MENGESAHKAN BAHAWA :-

- (i) KAMI TELAH BERMESYUARAT PADA HARI SELASA, 13 JUN 1995 DAN MENJALANKAN PEMERIKSAAN LISAN TERHADAP CALON TERSEBUT, ENCIK MUHAMAD YUNUS AHAD SEPERTI YANG DIPERUNTUKKAN DI DALAM FASAL 8.4 SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN RANCANGAN IJAZAH TINGGI :-


"Seseorang calon adalah dikehendaki mengambil Peperiksaan Lisan melainkan dikecualikan oleh Senat"

- (ii) KAMI MEMBUAT PERAKUAN INDIVIDU SEPERTI BERIKUT :-

JEMAAH PEMERIKSAAN TESIS

CALON DILULUSKAN TERTAKLUK KEPADA CALON MEMBUAT PERUBAHAN KECIL/TEKNIKAL SEPERTI YANG DIHURAIKAN DI DALAM LAPORAN MESYUARAT JEMAAH INI.


1. Y. BHG. DATO' PROFESOR ISHAK TAMBI KECHIK
TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL AKADEMIK)
PENGERUSI
2. Y. BHG. DATO' PROFESOR VINCENT LOWE
DEKAN
INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
3. PROF. MADYA HALIM SALLEH
WAKIL DEKAN
PUSAT PENGAJIAN SAINS KEMASYARAKATAN
4. PROF. JOHAN SARAVANAMUTTU ABDULLAH
PENYELIA UTAMA
5. PROF. MADYA MOHD. RAZHA HAJI RASHID
PEMERIKSA DALAM



SAYA, SAKINAH ABU BAKAR SELAKU PEMANGKU SETIAUSAHA KEPADA JEMAAH PEMERIKSAAN TESIS TERSEBUT, DENGAN INI MENGESAHKAN BAHAWA JEMAAH INI TELAH MEMPERTIMBANGKAN PERAKUAN-PERAKUAN DARIPADA PEMERIKSA-PEMERIKSA DAN JUGA PERAKUAN-PERAKUAN INDIVIDU AHLI-AHLINYA BERSETUJU UNTUK MEMBUAT PERAKUAN SEPERTI TERSEBUT DI ATAS.

TARIKH:

13/6/95


(PEMANGKU SETIAUSAHA)

PENGHARGAAN

Saya mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya, Profesor Dr. Johan Saravanamuttu Abdullah. Beliau juga adalah Dekan, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan. Atas nasihat, kritikan, bimbingan dan dorongan beliau, alhamdulillah akhirnya tesis ini dapat disiapkan.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Panglima Tentera Laut, Yang Berbahagia Tan Sri Mohd Shariff Ishak, Panglima Armada TLDM, Yang Berbahagia Dato' Ahmad Ramli Nor, Pengarah Pusat Penyelarasan dan Penguatkuasaan Maritim, Yang Berbahagia Dato' Tuan Hashim Tuan Mohamad, Encik Mohd Sidik Shaik Osman, Setiausaha Majlis Maritim Kebangsaan, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri kerana telah memberikan sokongan serta kerjasama untuk saya menjalankan penyelidikan ini.

Juga, saya tidak lupakan ucapan terima kasih kepada Institut Hal Ehwal Maritim Malaysia (MIMA), Wisma Putra, Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDHL) dan Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur atas bantuan dan kerjasama yang dihulurkan.

Saya menghargai kerjasama serta bantuan yang disumbangkan oleh Dekan Institut Pengajian Siswazah, Yang Berbahagia Dato' Profesor Vincent Lowe dan semua kakitangan, pensyarah-pensyarah dan kakitangan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan.

Akhir sekali, kepada semua pihak yang terlibat dalam proses saya menyiapkan tesis ini. Sekian, terima kasih. Wassalam.

KANDUNGAN

	muka surat
<i>PENGHARGAAN</i>	i
<i>KANDUNGAN</i>	ii
<i>SENARAI KEPENDEKAN</i>	v
<i>SENARAI JADUAL</i>	ix
<i>SENARAI RAJAH</i>	x
<i>ABSTRAK</i>	xi
<i>ABSTRACT</i>	xiii
BAB 1: RANGKA TEORITIKAL DAN KAEDAH KAJIAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah dan Latar Belakang Kajian	2
1.3 Objektif, Sumbangan dan Batasan Kajian	13
1.4 Tinjauan Bacaan	16
Konsep-Konsep Utama	
1.4.1 Konsep Kuasa Laut (<i>Sea Power</i>) dan Strategi Maritim (<i>Maritime Strategy</i>)	17
1.5 Malaysia dan Undang-Undang Laut (UNCLOS)	28
1.6 Hipotesis dan Pendekatan Tesis	36
1.7 Metodologi dan Kerja Luar	41
1.8 Susunan Bab-Bab Kajian	41
Nota	44
BAB 2: ASAL USUL, DASAR DAN DOKTRIN TLDM	
2.1 Pengenalan	48
2.1.1 <i>Royal Navy Malay Section</i>	48
2.1.2 Penubuhan <i>Malayan Naval Force</i> (MNF)	51
2.1.3 <i>Royal Malayan Navy</i> (RMN)	53
2.1.4 Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM)	56
2.2 Perkembangan Struktur Organisasi Serta Pemerintahan TLDM	61

2.3	Organisasi Kementerian Pertahanan Secara Ringkas	73
2.3.1	Sub-Sistem Awam	77
2.3.2	Sub-Sistem Tentera	78
2.4	Asal Usul Dasar serta Doktrin TLDM	79
2.4.1	Daripada ' <i>Brown Water Navy</i> ' kepada ' <i>Blue Water Navy</i> '	83
2.4.2	Ke Arah Diplomasi dan Peningkatan Keyakinan Serantau	87
2.5	Amalan dan Tindakbalas Malaysia Terhadap Undang-Undang Laut (UNCLOS)	92
2.6	Kesimpulan	102
	Nota	104
BAB 3:	ISU-ISU PENTING DALAM DASAR MARITIM MASAKINI	110
3.1	Dasar Maritim dan Dasar Luar Malaysia	112
3.2	Dasar Maritim Terhadap Isu Keselamatan	115
3.2.1	Kegiatan Melanun, Rompakan dan Penyeludupan	116
3.2.2	Pendatang Haram	120
3.2.3	Pencerobohan Nelayan-Nelayan Asing	125
3.2.4	Perlanggaran dan Pencemaran	126
3.2.5	Tuntutan Perairan Bertindih: Kes Pulau Sipadan, Ligitan dan Pulau Batu Putih	130
3.3	Isu-Isu Ekonomi Yang Berkaitan	140
3.4	Kesimpulan.	148
	Nota	151
BAB 4:	KAJIAN KES: KEPULAUAN SPRATLY	
4.1	Sejarah Latar Belakang Kepulauan Spratly	152
4.2	Tuntutan Bertindih Di Kalangan Negara-Negara	154
4.3	Evolusi Pendudukan Malaysia Ke Atas Pulau Layang- Layang (<i>Swallow Reef</i>), Terumbu Mantanani (<i>Mariveles Reef</i>) dan Terumbu Ubi (<i>Ardasier Reef</i>)	165
4.4	Syor-Syor Bagi Mengendurkan Ketegangan Serta Usaha Menyelesaikan Konflik di Spratly	175
4.5	Kesimpulan	184
	Nota	190

BAB 5 KESIMPULAN	193
5.1 TLDM dan Wawasan 2020	203
5.2 Cadangan Untuk Kajian Masa Depan	206
Nota	210
Bibliografi	211
Lampiran-Lampiran	217

SENARAI KEPENDEKAN

ADEX	: Air Defence Exercise
ALAM	: Akademi Laut Malaysia
AMDA	: Anglo-Malayan Defence Agreement
AMM	: Asean Ministerial Meeting
APP	: Anti-Piracy Patrol
APTL	: Asisten Panglima Tentera Laut
ASEAN	: Association of South East Asian Nations
ASW	: Anti-Submarine Warfare
ATM	: Angkatan Tentera Malaysia
BAKORKAMLA	: Badan Koordinasi Keamanan Laut
BITACG	: Bilateral Training and Consultative Group
BR	: Book of References
BRNC	: Britannia Royal Naval College
BTTL	: Bahagian Turus Tentera Laut
CMS	: Coastal Minesweepers
CNS	: Chief of Naval Staff
COMNAVWEST	: Commander Naval Forces West Malaysia
COMNAVEAST	: Commander Naval Forces East Malaysia
COSG	: Combine Operations Support Group
DCOS	: Deputy Chief of Staff
DPN	: Dasar Pertahanan Negara
DTL	: Department Tentera Laut
DWR	: Deep Water Route
EPU	: Economic Planning Unit
FEFC	: Far Eastern Freight Conference
FM	: Fleet Manuals
FMC	: Fleet Material Commander
FOC	: Fleet Operations Commander
FPB	: Fast Patrol Boats
FPDA	: Five Power Defence Arrangement
GBC	: General Border Committee
HMMS	: Her Majesty's Malayan Ship
ICJ	: International Court of Justice

IDHL	: Institut Diplomacy dan Hubungan Luar Negeri
IJ	: Inspektorat Jeneral
IMB	: International Maritime Bureau
IMO	: International Maritime Organisation
IMS	: Inshore Minesweepers
ISIS	: Institut of Strategic and International Studies
JCM	: Jawatankuasa Suruhanjaya Bersama
JDA	: Joint Development Authority
JPM	: Jabatan Perdana Menteri
KD	: Kapal DiRaja
KESBAN	: Konsep Keselamatan dan Pembangunan
KSU	: Ketua Setiausaha Kementerian
KTTL	: Ketua Turus Tentera Laut
LCT	: Landing Craft Tank
LIMA	: Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition
LL & GDS	: Landlocked and Geographically Disadvantaged State
LNG	: Liquefied Natural Gas
LST	: Landing Ship Tank
MAT	: Majlis Angkatan Tentera
MBJ	: Malaysian Base Jetty
MIMA	: Malaysian Institute of Maritime Affairs
MISC	: Malaysian International Shipping Corporation
MKN	: Majlis Keselamatan Negara
MNF	: Malayan Naval Force
MOU	: Memorandum of Understanding
MPCSS	: Multi-Purpose Command and Support Ship
MRNVR	: Malayan Royal Naval Volunteer Reserve
MSE	: Malaysia Shipyard and Engineering
MTW	: Malaysian Territorial Waters
NAM	: Non-Aligned Movement
NAED	: Naval Armament and Explosives Depot
NATO	: North Atlantic Treaty Organisation
NSD	: Naval Staff Division
OPV	: Ocean Patrol Vessel
PAC	: Pasukan Atur Gerak Cepat
PANGWILLA I	: Panglima Wilayah Laut I
PANGWILLA II	: Panglima Wilayah Laut II

PASKAL	: Pasukan Khas Laut
PAT	: Panglima Angkatan Tentera
PBB	: Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PC	: Patrol Crafts
PC13	: Skuadron Kapal Ronda ke-13
PDRM	: Polis DiRaja Malaysia
PERISTA	: Program Pembangunan Istimewa Angkatan Tentera
PETRONAS	: Petroleum Nasional
PKM	: Parti Komunis Malaya
PLA	: People's Liberation Army
POTELA	: Polis Tentera Laut
PPKP	: Pasukan Petugas Khas Persekutuan
PRC	: People's Republic of China
PSSTLDM	: Pasukan simpanan TLDM
PTL	: Panglima Tentera Laut
PUSTAKMAR	: Pusat Taktikal Maritim
PWTL	: Pegawai Wakil Tentera Laut
QRRN	: Queen's Regulations Royal Navy
RAF	: Royal Air Force
RAN	: Royal Australian Navy
RASCOM	: Rejang Security Command
RBCO	: Regional Border Committee Officer
RMN	: Royal Malaysian Navy
RN	: Royal Navy
SEANS	: Singapore Women Auxiliary Naval Service
SLOC	: Sea Line of Communication
SLP	: Stesen luar Lantai
SO1	: Pegawai Staf 1
SOM	: Mesyuarat Pegawai Kanan
SMDL	: Seaward Defence Motor Launches
SSE	: Singapore Shipbuilding and Engineering
SSRNVR	: Straits Settlements Royal Naval Volunteer Reserve
TAC	: Treaty of Amity and Cooperation
TLDM	: Tentera Laut DiRaja Malaysia
TNI-AL	: Tentera Nasional Indonesia-Angkatan Laut
TPOM	: Tim Perancang Operasi Maritim
TQM	: Total Quality Management

TUDM : Tentera Udara DiRaja Malaysia
UPT : Unit Penempatan Terumbu
UNCLOS : United Nations Conventions on the Law of the Sea
USN : United States Navy
ZEE : Zon Ekonomi Eksklusif
ZOPFAN : Zone of Peace Freedom and Neutrality

SENARAI JADUAL

Jadual		muka surat
2.1	Kapal-kapal yang diperolehi TLDM (1971-1991)	60
2.2	Status keupayaan TLDM	70
2.3	Perbelanjaan Semasa TLDM (1982-1995)	80
2.4	Perbelanjaan Pembangunan TLDM (1982-1994)	81
2.5	UNCLOS III Official Session 1973-1981	95
3.1	Undang-Undang Malaysia yang berkaitan dengan kawasan maritim	111
3.2	Kejadian melanun di perairan Malaysia	118
3.3	Penyeludupan	120
3.4	Jumlah dan peratusan pencerobohan nelayan asing	126
3.5	Tumpahan minyak (lebih 1,500 ton) daripada kapal-kapal tangki di Selat Melaka 1975-1993	129
3.6	Pengendalian kargo di pelabuhan utama Semenanjung Malaysia	147
4.1	Pecahan pulau/terumbu yang diduduki di kalangan negara-negara di Kepulauan Spratly	154
4.2	Pulau-pulau dan terumbu batu karang yang diduduki oleh negara-negara yang menuntut di Kepulauan Spratly	155

SENARAI RAJAH

Rajah		mukasurat
1.1	Struktur Pemerintahan TLDM	4
1.2	Status Keupayaan TLDM	5
2.1	Organisasi dan pemerintahan TLDM 1963-1981	63
2.2	Organisasi dan pemerintahan TLDM 1982 hingga sekarang	65
2.3	Carta Organisasi Kementerian Pertahanan	76
3.1	Pulau Sipadan dan Ligitan	132
3.2	Pulau Batu Putih (<i>Pedra Branca</i>)	133
4.1	Negara-negara yang membuat tuntutan dan kawasan yang dipertikaikan (<i>Claimants and Contested Areas</i>)	158
4.2	Organisasi Panglima Wilayah Laut 2	170
4.3	Organisasi Markas PWL 2	171

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji perkembangan serta perubahan yang berlaku dari segi peranan dan doktrin TLDM dari perspektif keselamatan dan pertahanan serta isu maritim pada amnya dalam konteks perubahan dalam Dasar Luar Malaysia semenjak negara mencapai kemerdekaan hingga pada masa kini. Ini termasuk perubahan yang berlaku dari segi Konvensyen Undang-Undang Laut (UNCLOS) dan kesannya ke atas Malaysia dari segi politik, ekonomi, keselamatan dan kedaulatan wilayah, terutama sekali termasuk perisytiharan peta benua baru Malaysia yang meliputi perisytiharan Malaysia terhadap kawasan pelantar benua (continental shelf) dan kawasan 200 batu nautika Zon Ekonomi Eksklusif.

Dalam menganalisis isu-isu maritim terkini, kajian ini mendapati isu-isu ekonomi dan keselamatan saling bergantung dan berinteraksi di antara satu sama lain. Salah satu hipotesis yang dikemukakan ialah selepas berakhirnya Perang Dingin, faktor ekonomi semakin penting dalam agenda dasar luar Malaysia, khasnya dalam era Dr. Mahathir Mohamed sebagai Perdana Menteri, dibandingkan dengan faktor ideologi yang lebih diutamakan dalam era Tunku Abdul Rahman, Tun Razak dan Tun Hussein Onn.

Kajian ini mendapati konsep kuasa laut (*sea power*) dan kuasa maritim (*maritime power*) yang dikemukakan oleh Mahan (1890), Corbett (1911), dan Gorshkov (1978) adalah relevan untuk penjelasan kedudukan Malaysia yang merupakan sebuah negara maritim yang bergantung kepada sumber-sumber maritim (*maritime dependent*).

Kajian ini juga mendapati perkembangan serta perubahan yang berlaku dalam dasar/doktrin TLDM seiringan dengan perubahan yang berlaku dalam dasar luar Malaysia semenjak negara mencapai kemerdekaan sehingga pada masa kini. Ini juga bertepatan dengan hipotesis iaitu faktor ideologi tidak lagi memainkan peranan yang penting dari segi dasar luar Malaysia pada masa kini. Faktor ekonomi iaitu dari segi eksploitasi sumber kekayaan dan khazanah di laut lebih ditekankan. Tidak boleh dinafikan peranan serta sumbangan TLDM dalam mempertahankan dan menyelamatkan khazanah laut dan sebagai agensi penguatkuasaan di laut adalah penting bagi pembangunan dan kemakmuran negara.

***THE ROLE OF THE ROYAL MALAYSIAN NAVY (TLDM) IN THE
CONTEXT OF NATIONAL MARITIME POLICY***

ABSTRACT

This thesis studies the development and change in policy orientation and doctrine of the RMN from the perspective of security and defence as well as in terms of maritime issues in general in relation to the changes that have occurred in Malaysia's Foreign Policy since Independence until now. This includes the changes to the Law of the Sea Convention (UNCLOS) and their impact politically, economically and in security and territorial terms on Malaysia especially Malaysia's proclamation of new map which also includes identification of the new continental shelf and the 200 nautical mile Economic Exclusive Zone (EEZ).

In analysing maritime issues this study finds that economic and security issues are mutually dependent and mutually interactive with each other. A hypothesis of the study is that since the end of the Cold War, the economic factor has become increasingly important in Malaysia's foreign policy agenda, especially with Dr. Mahathir Mohamed at the helm as Prime Minister, in contrast to the importance of the ideological factor in the periods of Tunku Abdul Rahman, Tun Razak and Tun Hussein Onn.

This study finds the concepts of "sea power" and "maritime power" as propounded by Mahan (1890), Corbett (1911) and Gorshkov (1978) to be relevant to an understanding of Malaysia's position as a maritime country which is dependent on maritime resources.

This study also shows that the development and change that occurred in naval policy and doctrine accompanied closely the changes in Malaysian foreign policy from independence until today. This finding is consistent with the hypothesis that the ideological factor does not play as significant a role in Malaysia's foreign policy today as it did in the past. The economic factor, that is, the exploitation of natural and national resources in the ocean is evidently more significant. It cannot be denied that the role and contribution of the RMN in defending and securing these resources as well as functioning as the agency for enforcement of policy on the seas is of primary importance for the development and prosperity of the country.

BAB 1

RANGKA TEORITIKAL DAN KAEDAH KAJIAN

1.1 Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara maritim. Disebabkan faktor geografi, di mana Semenanjung Malaysia dan wilayah Malaysia Timur (negeri-negeri Sabah dan Sarawak) serta pulau-pulau dikelilingi lautan menjadikan fungsi serta peranan Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) sangat penting terutama dari segi menjaga keselamatan dan kedaulatan tanahair. Tambahan jarak kira-kira 600 km. yang memisahkan di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak serta luasnya kawasan perairan kewilayahan (*territorial waters*) dan kawasan perairan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) serta masalah tuntutan bertindih (*conflicting claims*) di Laut China Selatan menjadikan fungsi serta peranan TLDM lebih mencabar. Malaysia sangat bergantung kepada sumber-sumber maritimnya untuk pembangunan negara dan ekonomi, yang mana industri petroleum dan gas menyumbangkan kira-kira 28 peratus nilai eksport (1993) negara. Boleh dikatakan kesemua telaga minyak dan gas Malaysia terletak di dalam kawasan laut di luar pantai. Juga 90 peratus perdagangan Malaysia (*eksport dan import*) melalui pelabuhan-pelabuhan serta kapal-kapal di laut. Industri perikanan menyumbang sebanyak 2 peratus dari segi pekerjaan dan guna tenaga negara. Fokus kajian ini pengkaji ingin mengkaji serta menganalisa perubahan-perubahan dari segi dasar serta doktrin dan peranan TLDM yang merupakan dasar Malaysia dalam konteks Dasar Maritim Negara. Dasar Maritim Negara meliputi dasar-dasar nasional yang berkaitan dengan kelautan seperti perairan kewilayahan dan laut lepas (*high seas*)

termasuk dari segi dasar pertahanan ke atas perairan kewilayahan. Dasar maritim bukan sahaja merangkumi Dasar Pertahanan Negara malah meliputi dari segi ekonomi dan persoalan undang-undang seperti kawasan perairan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE), undang-undang laut, pelantar benua (*continental shelf*) dan lain-lain. Kajian ini juga bertujuan untuk menghuraikan dengan lebih jelas dan terperinci peranan, fungsi, tanggungjawab serta dasar-dasar yang dilaksanakan oleh sebuah agensi pertahanan dan keselamatan seperti TLDM¹. Sebagai sebuah negara maritim faktor ekonomi dan keselamatan menjadi penting pada masa kini dan masa hadapan. Pembentukan dasar serta doktrin TLDM harus mengambil kira faktor-faktor dari segi matlamat/objektif, strategi, dan tindakan. Ini dapat dilihat daripada perspektif seperti geo-politik, pertahanan, keselamatan wilayah dan ekonomi yang banyak mempengaruhi dasar-dasar TLDM. Dari segi pertahanan dan keselamatan, dasar pertahanan TLDM berkembang dan berubah mengikut arus perubahan yang berlaku dalam Dasar Luar Malaysia. Perubahan-perubahan yang berlaku dalam Dasar Luar Malaysia pula, dipengaruhi oleh faktor-faktor daripada dalam negeri dan luar negeri. Pengkaji akan mengkaji dari segi perkembangan serta perubahan yang berlaku dari segi dasar, doktrin dan peranan TLDM selepas negara mencapai kemerdekaan hinggalah masa kini. Kajian ini menumpukan kepada Dasar Luar Malaysia dalam era Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia.

1.2 Pernyataan Masalah dan Latar Belakang Kajian

Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah berkembang dengan pesatnya daripada sebuah pasukan kecil yang dipanggil *Malay section of the Royal Navy* yang mempunyai kekuatan anggota seramai 400 orang (1939) hinggalah kepada yang wujud


pada hari ini yang mana mempunyai kekuatan anggota seramai kira-kira 13,000 orang anggota serta pegawai dan memiliki kapal-kapal yang dilengkapi dengan senjata dan peralatan moden. (Sila lihat Rajah 1.1 dan Rajah 1.2).

Pembangunan TLDM banyak dipengaruhi oleh peristiwa-peristiwa (*incidents*) yang berlaku di rantau Asia Tenggara khususnya di Laut China Selatan dan perairan Selat Melaka. Setelah mencapai kemerdekaan (1957) dan seterusnya pembentukan Malaysia (1963), TLDM melalui proses *Malaysianisation* yang mana jawatan-jawatan penting yang dahulunya dipegang oleh British diserahkan kepada anak-anak tempatan.


Dalam tahun 1963 regim Soekarno di Indonesia melancarkan 'konfrontasi' terhadap pembentukan Malaysia. Disebabkan ancaman 'konfrontasi' Indonesia serta gerakan 'ganyang' Malaysia pembangunan TLDM diberi perhatian serius oleh kerajaan pimpinan Tunku Abdul Rahman pada masa itu. TLDM berkembang dengan membeli beberapa buah kapal bagi meningkatkan kekuatan serta kemampuan meskipun Malaysia mempunyai perjanjian pertahanan dengan Britain iaitu di bawah *Anglo-Malayan Defence Agreement* (AMDA). Tunku Abdul Rahman menekankan betapa pentingnya perjanjian pertahanan AMDA bagi Malaysia memandangkan Malaysia baru hendak membina Angkatan Tenteranya.

".....let us face the facts and the facts are that we have at our command an Army of less than one division in strength we have no Navy, not even a single sailor and we have not even a single sea-going craft. With the revenue at our command we can never be able to build our forces to the strength which we require for the defence of our country." (Zakaria & Crouch 1985:126).

Rajah 1.1: Struktur Pemerintahan TLDM



OUTLINE ORGANISATION OF DEPARTMENT OF THE NAVY



(Sumber: Departmen Tentera Laut, Kementerian Pertahanan 1993.)
 [Versi asal adalah dalam Bahasa Inggeris.]

Rajah 1.2: Status Keupayaan TLDM

Anggota	Pengkalan	Friget/Corvettes	FAC/PC	OPV	MCM	Bantuan & lain-lain	Cawangan Udara
13,000	<p>Semenanjung <u>Malaysia</u> Lumut, Tanjung Gelang Kuantan Woodlands, S'pore</p> <p><u>Sabah/Sarawak</u> W.P. Labuan Tawau Sandakan</p>	<p><u>Friget</u></p> <p>KD RAHMAT KD Hang Tuah Dalam Pembinaan di Yarrow, Glasgow, UK KD Lekiu KD Hang Jebat</p> <p><u>Corvettes:</u> KD Kasturi KD Lekir</p>	<p><u>FAC (Missile)</u></p> <p>KD Handalan KD Perkasa KD Pendekar KD Gempita KD Perdana KD Serang KD Ganyang</p> <p><u>FAC (Gun):</u> KD Jerong KD Todak KD Paus KD Yu KD Baung KD Pari</p> <p><u>PC:</u> KD Sri Selangor KD Sri Sabah KD Sri Sarawak KD Sri Negri Sembilan KD Sri Melaka KD Kris KD Sundang</p>	<p>KD Musytari KD Marikh</p>	<p>KD Mahamiru KD Jerai KD Ledang KD Kinabalu</p>	<p><u>MPCSS</u></p> <p>KD Sri Indera Sakti <u>Ammo Ship</u> KD Mahawangsa <u>Survey vessel:</u> KD Mutiara <u>Diving Tender:</u> KD Duyong <u>Amphibious:</u> LST: KD Sri Banggi KD Raja Jarom KD Inderapura (Ex-U.S. Newport Class-U.S.S Spartanburg County, dijangka belayar ke Malaysia dari Norfolk, US pada March 1995.) Kapal Tunda (Tugs): 5 LCP: 15 RCP: 9 Kapal Layar KLD Tunas Samudera</p>	<p>WASP <u>Helicopter</u> 6</p>

Rajah 1-2 (sambungan)

Anggota	Pangkalan	Friget/Corvettes	FAC/PC	OPV	MCM	Bantuan & lain-lain	Cawangan Udara
			KD Lembing KD Badek KD Renchong KD Tombak KD Serampang KD Panah KD Kerambit KD Beladai KD Kelewang KD Rentaka KD Sri Perlis KD Sri Johor				

Nota: Projek Kapal Ronda Samudera (OPV) berjumlah 27 buah kapal telah diluluskan oleh kerajaan dan akan dibina oleh Lumut Dockyard Sdn Bhd. Pembiayaan meliputi Rancangan Malaysia ke-7, 8, 9 dan 10.

(Sumber: Departmen Tentera Laut, Kementerian Pertahanan 1994)

Selepas tamatnya 'konfrontasi' Indonesia dan diikuti gerakan pengunduran tentera British di kawasan Timur Jauh terutama daripada pangkalan utama British di Singapura dan Hong Kong telah mempercepatkan proses pembangunan TLDM.

Dasar dan peranan TLDM telah berkembang serta berubah mengikut arah perubahan yang berlaku dalam Dasar Luar Malaysia. Peralihan dalam dasar TLDM bertukar daripada tumpuan ke atas masalah keselamatan dalam era Perang Dingin iaitu dalam tahun 50-an hingga 80-an kepada penekanan yang melibatkan dari segi 'kepentingan nasional' seperti isu-isu ekonomi. Isu-isu ekonomi yang dimaksudkan adalah isu-isu yang berkisar dari segi sumber kekayaan/ekonomi yang terletak di dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) negara dan pelantar benua Malaysia. Isu-isu ekonomi merupakan angkubah bebas (*independent variables*) dibandingkan dengan isu politik dan ideologi dalam era Perang Dingin dahulu.

Selepas tamatnya Perang Vietnam (1975) dan menjelang tahun 80-an faktor ekonomi semakin amat penting dalam Dasar Luar Malaysia. Dalam era Perang Dingin faktor keselamatan negara lebih dipentingkan. Suatu keadaan yang ketara dalam era tersebut ialah terdapatnya perlumbaan senjata di antara negara-negara Blok Komunis dengan Blok Kapitalis. Malaysia telah meningkatkan pembangunan ketiga-tiga cabang Angkatan Tentera (Darat, Laut dan Udara) dengan meningkatkan perbelanjaan membeli senjata dan kelengkapan moden bagi mengukuhkan keselamatan serta pertahanan negara. Berbagai latihan dan kerjasama militer ditingkatkan (secara bilateral) di kalangan negara-negara jiran (negara-negara ASEAN seperti Indonesia, Thailand dan Singapura) dan Amerika Syarikat serta dengan negara-negara dalam susunan Pertahanan Lima Negara (FPDA seperti Britain, Australia, New Zealand dan

Singapura) bagi mengimbangi serta membendung pengaruh komunis di Asia Tenggara. Perang Dingin serta perlumbaan senjata mempunyai kesan ke atas dasar serta doktrin TLDM. Contohnya TLDM terlibat secara langsung dengan operasi-operasi ketenteraan bagi menyokong gerakan Tentera Darat menentang penganas Komunis khususnya di Sarawak dengan rondaan di sungai-sungai dan menyediakan pengangkutan bagi keperluan Tentera Darat. Peranan dan tanggungjawab TLDM lebih bercorak apa yang diistilahkan sebagai '*Brown Water Navy*'. Ini termasuk fungsi serta peranan seperti mencegah penyeludupan senjata api, membanteras aktiviti lanun dan rompakan di laut dalam kawasan perairan Malaysia. TLDM telah mengamalkan doktrin '*Brown Water Navy*' semenjak ianya ditubuhkan dan dibangunkan dengan bantuan daripada Tentera Laut British dan Tentera Laut Australia pada peringkat permulaan sehinggalah dalam era Dato'K. Thanabalasingam sebagai Ketua Turus Tentera Laut (KTTL).² Di bawah pemerintahan Dato' Mohd. Zain Salleh TLDM telah berkembang dengan pesatnya dan telah menukar doktrin daripada '*Brown Water Navy*' kepada doktrin '*Blue Water Navy*'.³

Kejatuhan Saigon (1975) ke tangan komunis dan seterusnya penaklukan Vietnam ke atas Kampuchea (1979) telah mempercepatkan pembangunan TLDM dari segi kelengkapan, inventori, kapal-kapal dan keanggotaan. Ini disebabkan ancaman Vietnam ke atas keselamatan negara-negara bukan komunis di Asia Tenggara termasuk Malaysia. Teori Domino yang dikemukakan oleh John Foster Dulles menyebabkan negara-negara bukan komunis di Asia Tenggara curiga serta bimbang keselamatan mereka terancam disebabkan kekuatan ketenteraan negara komunis seperti Vietnam dan China serta meluasnya pengaruh komunis. Mengikut Teori

Domino sekiranya sebuah negara bukan komunis seperti Vietnam Selatan tumbang ketangan komunis negara-negara lain di rantau ini akan jatuh ketangan komunis seperti jatuhnya domino termasuk Thailand, Malaysia dan Indonesia.

Di bawah program Pembangunan Istimewa Angkatan Tentera (PERISTA), TLDM telah menambahkan jumlah kapal-kapal termasuk jenis friget, *corvette*, kapal penyerang laju (*Fast Attack Craft Missile*) yang dilengkapi dengan peluru berpandu jenis *Exocet* serta peralatan yang moden. TLDM telah menerima sebuah kapal pengangkut peluru (*Ammunition Supply Ship*) yang dibina di Korea Selatan, sebuah kapal pemerintah dan lojistik (*Multi-Purpose Command and Control Ship*) dibina di Germany, dua buah kapal ronda samudera (*Ocean Patrol Vessel*) bagi tugas rondaan dan penguatkuasaan di perairan ZEE Malaysia. TLDM telah membina pangkalan induk yang besar serta moden yang lengkap dengan pelbagai kemudahan serta infrastruktur dan menelan perbelanjaan beratus juta ringgit di Lumut, Perak bagi menggantikan pangkalan TLDM di Woodlands, Singapura.

Juga peristiwa kedatangan 'orang-orang hanyut' ke negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang telah meningkatkan perbelanjaan TLDM. Sebuah markas untuk mengendalikan operasi 'orang-orang hanyut' telah ditubuhkan di Tanjung Gelang, Kuantan, Pahang dan dinamakan Combine Operations Support Group (COSG).⁴ Malaysia merasa bimbang dan kluatir dengan kedatangan 'orang-orang hanyut' terutama ke atas keselamatan pelantar carigali minyak di luar pantai khususnya di perairan Terengganu, Sarawak dan Sabah. Terdapat beberapa insiden di mana 'orang-orang hanyut' yang bersenjata telah singgah berhenti dan mendarat di pelantar carigali minyak untuk meminta bantuan bekalan

seperti minyak, air dan makanan setelah mengharungi Laut China Selatan dari Indo-China. Juga kebimbangan Malaysia termasuk penyebaran ideologi komunis oleh 'orang-orang hanyut' dan juga meningkatnya perasaan curiga di kalangan penduduk Melayu memandangkan terdapat ramai di kalangan 'orang-orang hanyut' terdiri daripada orang-orang keturunan Cina. TLDM masih meneruskan siri operasi mencegah kedatangan 'orang-orang hanyut' hingga masa kini. Operasi tersebut dinamakan Ops Cabut. Siri Ops Cabut hari ini diubahsuai yang mana termasuk juga operasi membanteras pencerobohan nelayan asing dalam perairan kewilayahan dan perairan ZEE Malaysia. Rondaan di laut secara berterusan terpaksa dijalankan untuk mencegah kedatangan 'orang-orang hanyut' daripada mendarat di pantai negeri-negeri seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang. TLDM terpaksa membeli beberapa buah kapal penunda (*tug boats*) bagi tugas menarik keluar 'orang-orang hanyut' ke perairan antarabangsa iaitu di luar perairan kewilayahan (*Malaysian territorial waters - MTW*).

Dengan perisytiharan peta benua Malaysia yang baru sebagai tindak balas Malaysia terhadap perubahan-perubahan yang berlaku dari segi undang-undang laut (UNCLOS III) menjadikan kawasan perairan seperti ZEE dan pelantar benua (*continental shelf*) bertambah luas. Peranan serta tanggungjawab TLDM bertambah dengan perisytiharan peta benua baru Malaysia yang telah diluluskan oleh Parlimen. Perisytiharan Malaysia ke atas 200 batu nautika Zon Ekonomi Eksklusif dan diikuti kelulusan Parlimen Akta ZEE (1986) mengesahkan pendirian Malaysia ke atas kawasan ZEE iaitu kawasan perairan kira-kira 450,233 km persegi. Dengan perisytiharan ini Malaysia mempunyai hak untuk kerja-kerja eksploitasi ke atas sumber dasar laut terutama minyak dan gas, perikanan, penyelidikan dan lain-lain. Dengan

kelulusan Akta Perikanan (1985) menambahkan lagi dari segi tanggungjawab serta peranan TLDM dari segi tugas-tugas penguatkuasaan termasuk rondaan di laut yang berterusan bagi mencegah pencerobohan daripada nelayan-nelayan asing, tugas membantulas aktiviti lanun di kawasan tertentu di perairan Selat Melaka, Laut China Selatan, perairan Sarawak dan kawasan perairan Sabah Timur.

Dalam kawasan perairan ZEE dipercayai mengandungi sumber hidro-karbon seperti minyak dan gas, kawasan yang dinamakan *Sarawak Basin*⁵ berpotensi mengeluarkan minyak dan gas beratus ribu tan metrik dan merupakan sumber pendapatan negara. Pada masa kini 28 peratus pendapatan negara disumbangkan oleh minyak dan gas yang dikeluarkan daripada perairan luar pantai. Dianggarkan terdapat 100 buah pelantar carigali minyak di luar pantai di seluruh negara dan menghasilkan kira-kira 635,000 tong sehari minyak mentah bermutu tidak termasuk gas asli.

Pada tahun 1983 Malaysia telah menduduki *Swallow Reef* (Pulau Layang-Layang) salah sebuah pulau dalam kepulauan Spratlys.⁶ Dengan pendudukan Malaysia ke atas Pulau Layang-Layang bermulalah operasi ketenteraan yang melibatkan TLDM di kawasan tersebut sehingga hari ini. Operasi ketenteraan yang melibatkan ketiga-tiga cabang Angkatan Tentera serta operasi yang dikendalikan sendiri oleh TLDM dilancarkan berterusan sebagai persiapan menghadapi sebarang kemungkinan (*contingencies*) daripada luar serta usaha mempertahankan Pulau Layang-Layang jika diserang oleh kuasa luar. Beberapa siri operasi dilancarkan seperti Ops Pasong dan Ops Terumbu⁷ sebagai usaha Malaysia meningkatkan keupayaan dan mempertahankan tuntutannya ke atas kawasan perairan tersebut. Seterusnya, Malaysia telah menduduki 2 buah lagi terumbu iaitu *Mariveles Reef* (Terumbu Mantanani)

dalam tahun 1986 dan *Aradasier Reef* (Terumbu Ubi) dalam tahun 1987. Untuk menjaga keselamatan pulau-pulau dan terumbu yang diduduki Malaysia (TLDM memanggilnya dengan istilah stesen-stesen luar pantai) pada tahun 1982 sebuah pasukan yang dianggotai oleh anggota komando yang terlatih telah ditubuhkan. Pasukan ini diberi nama PASKAL (Pasukan Khas Laut). Anggota PASKAL ditugaskan secara bergilir-gilir kadangkala sehingga 2 bulan jangka masa bertugas. Bekalan lojistik serta bantuan teknikal disalurkan oleh Markas Wilayah Laut Dua yang berpejabat di Wilayah Persekutuan Labuan.

Boleh dikatakan TLDM telah mengambil pendekatan strategi Pertahanan Hadapan (*Forward Defence Strategy*) iaitu *Defensive but Forward Defence Strategy* yang dikemukakan oleh Panglima Tentera Laut Tan Sri Abdul Wahab Nawi, sepertimana yang dapat dilihat dengan penubuhan PASKAL, pendudukan TLDM ke atas 3 buah terumbu, penubuhan Unit Cawangan Udara dan Unit Kapal Selam.

Bagi memperkuat pertahanan serta mengawasi perairan ZEE, Malaysia telah memesan 2 buah kapal jenis friget yang moden dan 2 skuadron pesawat pejuang jenis Hawk 100 dan 200 dari Britain yang tandatangani di bawah jalinan *Memorandum of Understanding* (MOU) di antara Dr. Mahathir Mohamad dengan Puan Margaret Thatcher Perdana Menteri Britain.⁸ Juga Malaysia akan memperolehi 18 buah pesawat jenis *MiG-29 Fulcrum* buatan Russia dan 8 buah pesawat jenis *F/A-18 D Hornet* daripada Amerika Syarikat yang berjumlah kira-kira hampir RM 4 bilion bagi meningkatkan kemampuan TUDM serta tugas rondaan di kawasan perairan ZEE Malaysia dan sebagai dasar '*deterrence*'⁹ kepada negara-negara lain. Seperti yang dilaporkan di dalam akhbar (*Utusan Malaysia* dan *New Straits Times*, 23 September

93) kelulusan telah diberikan kepada TLDM untuk membina sebanyak 27 buah kapal peronda samudera dalam jangka masa 20 tahun akan datang yang melibatkan perbelanjaan sekitar RM4 bilion. Ini akan melibatkan perbelanjaan daripada Rancangan Malaysia ke-7 hingga ke-10 dan kontrak tersebut diberikan kepada Lumut Dockyard Sdn. Bhd. di Lumut, Perak (syarikat yang mengambilalih *RMN Dockyard* setelah diswastakan) sebagai kontraktor utama.

1.3 Objektif, Sumbangan dan Batasan Kajian

- 1) Sebelum ini tidak terdapat kajian menyeluruh dan mendalam mengenai peranan serta dasar TLDM. Kajian ini dapat menyumbangkan kepada kefahaman ke atas peranan, dasar serta doktrin TLDM yang merupakan sebahagian daripada Dasar Luar Malaysia pada masa kini dan masa hadapan.
- 2) Untuk meneliti perkembangan dan perubahan yang berlaku dalam dasar serta doktrin TLDM dari perspektif keselamatan dan pertahanan Malaysia disebabkan berlakunya perubahan dalam Dasar Luar Malaysia semenjak negara mencapai kemerdekaan hingga pada masa kini.
- 3) Perubahan-perubahan yang berlaku dari segi konvensyen undang-undang Laut (UNCLOS) dan kesannya ke atas Malaysia dari segi politik, keselamatan dan kedaulatan wilayah.
- 4) Meneliti perkembangan dan perubahan yang berlaku dari segi dasar/doktrin TLDM yang mempunyai pertalian rapat dengan faktor ekonomi:

- (a) Perisytiharan oleh Malaysia terhadap pelantar benua (*continental shelf*) Malaysia dan 200 batu nautika Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE).
 - (b) Perisytiharan peta benua baru Malaysia yang menjelaskan sempadan perairan Malaysia termasuk perairan kewilayahan (*territorial waters* - MTW), perairan ZEE, dan pelantar benua.
 - (c) Penguatkuasaan Akta Perikanan (1985) dan Akta ZEE (1986) serta kesannya.
 - (d) Peningkatan aktiviti mencarigali minyak dan gas di kawasan luar pantai Malaysia dan eksploitasi sumber-sumber mineral dasar laut.
- 5) Meneliti perubahan yang berlaku dalam dasar/doktrin TLDM memandangkan perletakan senjata oleh Parti Komunis Malaya (PKM) telah mengubah dasar/doktrin TLDM. Dahulunya TLDM membantu Tentera Darat dalam operasi menentang pengganas komunis terutama di Sabah dan Sarawak. TLDM terlibat dengan rondaan di sungai- sungai dan perairan pesisir pantai untuk mencegah gerakan komunis dan mencegah aktiviti penyeludupan senjata api. Doktrin TLDM pada masa tersebut diistilahkan sebagai '*Brown Water Navy*'. Penutupan pangkalan TLDM iaitu KD Sri Rejang di Sibu, Sarawak dalam tahun 1991 menunjukkan peranan serta tanggungjawab TLDM dalam gerakan membantu Tentera Darat melawan komunis sudah berakhir. Sebelum ini KD Sri Rejang merupakan pangkalan hadapan dalam gerakan menentang pengganas komunis di

Sarawak dan merupakan sebahagian daripada struktur organisasi *Rejang Security Command* (RASCOM).

- 6) Untuk meneliti perubahan doktrin TLDM daripada '*Brown Water Navy*' kepada '*Blue Water Navy*' iaitu dengan pembelian kapal-kapal besar seperti jenis friget, *corvette* dan *OPV* (kapal ronda samudera). Juga konsep '*Forward Defence Strategy*' yang dikemukakan oleh Tan Sri Abdul Wahab Nawi, bekas Panglima Tentera Laut. Ini dapat dijelaskan dengan pendudukan Malaysia ke atas *Swallow Reef* (Pulau Layang-Layang), *Mariveles Reef* (Terumbu Mantanani) dan *Ardasier Reef* (Terumbu Ubi) serta penubuhan PASKAL, Unit Cawangan Udara TLDM dan Unit Kapal Selam.
- 7) Meneliti isu tuntutan bertindih (*conflicting claims*) di kepulauan Spratlys yang melibatkan Malaysia dengan negara-negara lain seperti PRC, Taiwan, Brunei, Filipina dan Vietnam dan tindak balas Malaysia ke atas isu tersebut.
- 8) Menganalisis secara perbandingan isu-isu ekonomi dan keselamatan yang melibatkan TLDM dalam konteks dasar Maritim Negara. Isu-isu ekonomi termasuk seperti perusahaan carigali minyak dan gas, perikanan, perkapalan, pelabuhan dan isu keselamatan seperti tuntutan bertindih di Spratlys, tuntutan Pulau Batu Putih, Pulau Sipadan dan Ligitan, isu keselamatan di Selat Melaka, penyeludupan, lanun, pendatang tanpa izin dan isu pencemaran.

Dalam kajian ini pengkaji akan mengkaji dari segi perubahan-perubahan yang berlaku dalam dasar serta doktrin dan peranan TLDM selepas Malaysia mencapai

kemerdekaan hingga pada masa kini. Namun, pengkaji menumpukan kajian ke atas Dasar Luar Malaysia dalam era Dr. Mahathir Mohamed, Perdana Menteri Malaysia disebabkan oleh perubahan penting yang berlaku dalam jangkamasa tersebut.

1.4 Tinjaun Bacaan

Tidak terdapat banyak penulisan mengenai Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM). Kajian mengenai peranan serta dasar/doktrin TLDM belum pernah dibuat oleh ahli penyelidik sama ada dari dalam negeri atau pun dari luar negeri. Oleh itu penyelidik berhasrat menyumbangkan sedikit sebanyak pengetahuan menerusi kajiannya dalam bidang ini.

Suatu kajian mengenai Dasar Pertahanan Negara telah dibuat oleh Jeshurun (1980). Chandran Jeshurun menumpukan kepada pembangunan ketiga-tiga cabang perkhidmatan dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) iaitu Tentera Darat, Tentera Laut DiRaja Malaysia dan Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) dari tahun 1963 hingga 1973. Beliau menganalisis peralihan dasar Pertahanan Malaysia daripada sebuah angkatan tentera yang pada mula-mulanya sangat bergantung kepada bantuan dan sokongan negara-negara sahabat dalam Komanwel seperti Britain, Australia dan New Zealand kepada sebuah angkatan tentera yang bebas, berdikari dan memiliki keupayaan untuk mempertahankan Malaysia daripada serangan luar.

Analisis beliau banyak berdasarkan kepada rekod-rekod perbahasan oleh ahli-ahli Dewan di Parlimen (Dewan Rakyat dan Dewan Negara) ke atas dasar-dasar pertahanan, peruntukan perbelanjaan pertahanan setiap tahun hinggalah kepada

masalah-masalah perkhidmatan serta kebajikan anggota-anggota tentera. Mengikut pandangan Jeshurun dasar Pertahanan Malaysia (1963-1973) menuju ke arah berdikari, bebas dan tidak terikat dengan mana-mana kuasa asing. Ini bersesuaian kerana Malaysia mengamalkan dasar luar yang bebas dan berkecuali. Juga Malaysia memperjuangkan konsep zon aman, bebas dan berkecuali (*Zone of Peace Freedom and Neutrality* - ZOPFAN) di Laut China Selatan dan rantau Asia Tenggara amnya semenjak lahirnya ASEAN.

1.4.1 Konsep-Konsep Utama

Konsep Kuasa Laut (*Sea Power*) dan Strategi Maritim (*Maritime Strategy*)

Mahan (1890) telah mengemukakan konsep kuasa laut (*sea power*) dan strategi maritim (*maritime strategy*). Doktrin dan falsafah kuasa laut telah menjadi doktrin utama kepada Tentera Laut Britain dan Tentera Laut Amerika Syarikat semenjak dahulu hingga pada masa kini. Mengikut pendapat Mahan bahawa kuasa laut memainkan peranan kepada kekuatan nasional dan kesejahteraan negara. Kuasa laut sesebuah negara dipengaruhi oleh beberapa elemen seperti keadaan geografi, saiz penduduk, keluasan wilayah, jenis kerajaan yang memerintah dan institusi politik serta kelakuan rakyat.

Mengapa negara-negara memerlukan kuasa laut? Mengikut pandangan Mahan laut merupakan seperti 'lebuhraya' (*highway*) yang memberikan kemudahan di kalangan negara-negara dari segi pengangkutan dan perdagangan yang ekonomik serta murah dibandingkan dengan pengangkutan melalui darat dan udara. Beliau mengambil contoh Britain pada masa lampau merupakan sebuah kuasa maritim dunia. Sebagai

sebuah kuasa besar dari segi politik dan ekonomi, Britain menggunakan kemudahan laut untuk memperluaskan tanah jajahannya di serata dunia. Mengikut Mahan peranan utama Tentera Laut adalah untuk melindungi perdagangan secara bebas dan memastikan laluan perdagangan laut (*trade routes*) sentiasa terbuka dan tidak diganggu oleh mana-mana pihak. Peranan kedua mengikut Mahan menggunakan kuasa Tentera Laut secara kekerasan untuk memperluaskan tanah jajahan serta pangkalan/pelabuhan di kawasan jauh dari Britain. Mahan mengambil contoh perkembangan Tentera Laut Britain oleh kerana Britain dahulunya memiliki tanah jajahan di serata dunia dan Tentera Laut British juga telah memainkan peranan sebagai alat politik dari segi '*projection of British power overseas*'. Teori yang dikemukakan oleh Mahan masih dianggap relevan hingga masa kini. Contohnya Tentera Laut Amerika Syarikat memenangi peperangan di Pasifik mengalahkan Tentera Laut Jepun semasa Perang Dunia ke-2, penglibatan Tentera Laut Amerika Syarikat dalam krisis peluru berpandu di Cuba di mana kapal-kapal perang Amerika Syarikat mengepung (*blockade*) seluruh perairan menuju ke Cuba dan tidak membenarkan kapal-kapal Soviet Union memasuki perairan Cuba. Juga semasa Perang Falklands yang mana Tentera Laut Britain dapat menewaskan kekuatan Tentera Laut Argentina. Argentina terpaksa memulangkan semula kepulauan Falklands kepada Britain setelah dirampasnya dahulu.

Selain Britain dan Amerika Syarikat tulisan Mahan juga banyak mempengaruhi falsafah pembangunan Tentera Laut negara-negara seperti France, Germany, Italy, Russia, Jepun dan lain-lain negara di seluruh dunia termasuk Tentera Laut DiRaja Malaysia. Mahan mengupas strategi Tentera Laut seperti Machiavelli, Clausewitz dan Jomini berhujah mengenai strategi peperangan di darat. Pengangkutan

melalui laut merupakan isu penting dari segi perdagangan antara negara-negara dan kewujudan pelabuhan-pelabuhan bagi kegunaan kapal-kapal memungkah serta mengisi barang-barang sangat penting bagi hubungan perdagangan antarabangsa. Peranan Tentera Laut menjaga keselamatan dan keamanan laluan laut. Seandainya laluan perdagangan laut diambil alih oleh pihak lawan, kemakmuran ekonomi negara akan terjejas disebabkan kapal-kapal dagang yang membawa barang-barang komersial tidak dapat melalui jalan-jalan perdagangan dengan bebas. Untuk tujuan menjaga keselamatan jalan-jalan perdagangan di laut daripada diganggu oleh mana-mana pihak sebuah pasukan Tentera Laut yang berkemampuan diperlukan.

Corbett (1911) telah memperkembangkan teori strategi tentera laut yang dikemukakan oleh Mahan. Corbett menerangkan dengan lebih jelas mengenai strategi maritim Anglo-American dengan penekanan ke atas sejarah perkembangan Tentera Laut British. Dalam strategi maritim, Corbett menekankan mengenai pentingnya penggunaan laut sebagai laluan (*passage*) komunikasi dan pengangkutan. Peranan Tentera Laut adalah menjaga serta melindungi keamanan laluan laut dan komunikasi melalui laut seperti diistilahkan sebagai '*sea line of communication*' (SLOC) bagi sesebuah negara supaya perdagangan melalui laut dapat berjalan lancar dan tidak diganggu oleh mana-mana pihak. Tulisan Corbett seperti juga Mahan berdasarkan kepada perkembangan sejarah Tentera Laut British pada kurun ke-17 dan ke-18 dan kedua tokoh menulis pada tahun-tahun sebelum Perang Dunia Pertama. Mahan yang pertama menulis konsep kuasa laut (*Sea power*) sebagai konsep utama kepada dasar nasional (*national policy*). Dalam strategi maritim Anglo-American dua persoalan penting yang dikemukakan adalah; pertama penubuhan penguasaan ke atas laluan laut

(*shipping*) oleh sesebuah negara dan kedua penggunaan penguasaan laut untuk mempengaruhi kejadian (*events*) di darat. Para sarjana biasanya membahagikan di antara Tentera Laut (*Navy*) dengan kapal dagang (*Merchant marine*), hal-hal awam dengan swasta dan awam dengan ketenteraan. Sebaliknya dalam tradisi strategi maritim Anglo-American menggabungkan dasar nasional bersama perdagangan dan penggunaan tentera laut, menjadikannya suatu aspek yang lebih besar yang merangkumi perhubungan di antara negara-negara.

Teori strategi maritim Anglo-American merupakan suatu yang '*global*' yang merangkumi perhubungan antarabangsa bagi kuasa maritim yang dominan dan meyetuh mengenai politik imbangan kuasa (*balance of power politics*). Dilihat dalam sejarah Britain, konsep ini mula diterapkan dalam tahun 1688, apabila King William III membawa England masuk ke dalam pakatan Eropah menentang negara Perancis. Konsep tersebut masih digunakan sepanjang Britain menjadi sebuah kuasa dunia. Konsep tersebut mula diserapkan dalam ideologi Amerika Syarikat pada tahun 1890 apabila Amerika Syarikat bercita-cita menjadi sebuah kuasa dunia dan menjadi sebahagian daripada dasar Amerika Syarikat apabila negara tersebut mengambil alih tempat Britain sebagai sebuah kuasa maritim yang dominan selepas tamatnya Perang Dunia Ke-2. Amerika Syarikat mengambil alih peranan Britain dari segi imbangan kuasa secara global. Sebagai kuasa maritim yang dominan Amerika Syarikat mengambil alih ciri-ciri yang dimiliki oleh Britain pada masa yang lampau (Hattendorf, 1990).

Dari segi pemikiran dan perhubungan di antara kuasa maritim Britain dan Amerika Syarikat merupakan suatu pembangunan yang berurutan bukannya suatu yang

berkonflik serta permusuhan. Sungguh pun terdapat krisis dan perselisihan di antara kedua buah negara tetapi semenjak tahun 1815 kedua pihak bersikap tidak menggunakan kekerasan keatas satu sama lain. Pada kurun ke-18 dan ke-19 peranan Amerika Syarikat lebih menekankan kepada sikap '*regional*' dan Britain sebagai kuasa global. Sebaliknya satu ratus tahun kemudian keadaan bertukar ganti, peranan Amerika Syarikat bersifat secara global dan Britain menekankan kepada peranan '*regional*' sahaja (Hattendorf, 1990).

Suatu kritikan serta kekurangan konsep kuasa laut yang dikemukakan oleh Mahan ialah beliau tidak mengambil kira faktor-faktor seperti teknologi dan logistik. Kedua-dua elemen tersebut yang kemudiannya meyebabkan kegagalan Britain mengekalkan keunggulan sebagai kuasa maritim yang terkuat di dunia. Mahan mengingatkan Amerika Syarikat supaya mempelajari kesilapan-kesilapan yang pernah dialami Britain.

Gorshkov (1978) Panglima Tentera Laut Soviet Union dan mendapat gelaran Bapa Tentera Laut Moden Soviet Union menjelaskan pentingnya konsep kuasa laut bagi sesebuah negara dari segi kemampuan menggunakan unsur-unsur militer-ekonomi laut untuk kemakmuran negara. Mengikut beliau, kuasa laut merupakan sistem yang menunjukkan ciri-ciri komponen seperti militer, perdagangan, perikanan dan armada kajian saintifik yang berkaitan dengan kelautan.

Laut menjanjikan manusia sumber kekayaan dan sumber tenaga, bahan-bahan mineral seperti minyak dan gas dan kaya dengan sumber perikanan. Kuasa laut sesebuah negara termasuk kemampuan tentera laut untuk mempertahankan kedaulatan

tanah air daripada serangan dari luar bersamaan dengan komponen-komponen lain. Dalam konteks ini konsep kuasa laut meliputi unsur-unsur dengan kuasa ekonomi dan menjadi sebahagian daripada kuasa ekonomi sesebuah negara.

"..... this in no way means that the sea-power of the country depends only on the real fighting strength of the Navy. It must be regarded primarily as the capacity of the state to place all the resources and possibilities offered by the ocean at the service of man and make full use of them to develop the economy, the health of which finally determines all facets of the life of our country including its defence capability. In this context the concept of sea power to a certain degree is identified with the concept of economic power of the state. Accordingly, sea power may be regarded as a constituent part of economic power. Just as the latter determines military power, sea power mediated by the economy of the state and exerting an influence on it carries within it an economic and military principle." (Gorshkov, 1978:02).

Tentera Laut merupakan komponen penting dalam konsep kuasa laut yang berfungsi mempertahankan keselamatan tanah air dan alat yang penting bagi tujuan menjaga kepentingan negara di laut. Mengikut Gorshkov, negara imperialis menggunakan kuasa laut sebagai alat bagi dasar yang agresif untuk menindas dan menekan negara-negara dan manusia melalui konflik dan peperangan di berbagai tempat di seluruh dunia. Gorshkov memperkatakan tentang pembesaran kuasa laut oleh negara imperialis atas sebab-sebab 'mempertahankan demokrasi' dan sikap anti-komunis. Dengan menggunakan kaedah lama iaitu dasar kolonial dengan melakukan penindasan, intervensi, tekanan ekonomi dan politik serta kekerasan, kuasa imperialis sekarang menggunakan alasan atas sebab-sebab bantuan (*aid*) dan pertolongan. Pembesaran kuasa laut disebabkan peningkatan perdagangan di antara negara-negara melalui laut. Faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan kuasa laut termasuk pencapaian

dalam bidang saintifik dan kemajuan teknikal. Laut kaya dengan sumber mineral seperti minyak, gas, iodine, manganese, calcium, potassium, bromine, emas dan lain-lain bahan mineral. Satu per empat ($\frac{1}{4}$) daripada keluaran minyak sedunia dikeluarkan daripada laut dan akan meningkat kepada satu per tiga ($\frac{1}{3}$) pengeluaran dalam masa beberapa tahun akan datang.

Satu komponen penting dalam kuasa laut sesebuah negara ialah pengangkutan laut iaitu kapal-kapal dagang dan armada menangkap ikan yang semenjak dahulu kala telah memainkan peranan yang amat penting dari segi perdagangan dan sumber protein untuk rakyat. Dalam pengangkutan antarabangsa pada masa sekarang 75% hingga 80% melalui kapal-kapal oleh kerana pengangkutan laut menjimatkan dari segi kos 40% hingga 45% lebih murah daripada pengangkutan keretapi dan 20 kali ganda lebih murah daripada jalan raya. Apabila pengeluaran bahan-bahan dan barang-barang meningkat maka pengangkutan bagi membawa barang-barang keluaran bertambah serta berkembang samada dalam negeri mahupun antara negara-negara.

Industri perkapalan berkembang. Industri perkapalan dianggap sebagai pasukan simpanan kepada tentera laut pada masa perang dan pendapatan daripada perkhidmatan perkapalan merupakan sumber pendapatan negara dan menjimatkan pertukaran asing. Kapal-kapal dagang akan digunakan sebagai sebahagian daripada militer bagi pengangkutan tentera dan barang-barang ke pangkalan tentera luar negeri. Tidak dapat dinafikan bahawa kapal-kapal dagang merupakan salah satu komponen kuasa laut bagi sesebuah negara dan memainkan peranan yang penting di waktu peperangan. Dari itu memiliki kuasa laut dapat meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat dan memperkuat pertahanan negara selain dapat menyumbangkan dari segi ekonomi

dan sains. Konsep kuasa laut yang diketengahkan oleh ketiga-tiga penulis iaitu Mahan, Corbett dan Gorshkov mungkin tidak memadai untuk menerangkan konsep kuasa laut dan kuasa maritim.

Mengikut Kemp (1981)¹⁰ (Cottrell, 1981), sebuah kuasa maritim boleh ditakrifkan apabila sesebuah negara menggunakan unsur-unsur laut dengan banyak dan meluas. Ini termasuk sumber-sumber kekayaan daripada laut dari segi eksploitasi ekonomi. Juga meliputi perdagangan bebas melalui laut di antara negara-negara. Sebuah kuasa laut yang unggul pada teorinya tidak semestinya merupakan sebuah kuasa maritim yang kuat. Seterusnya dijelaskan beberapa takrif berkaitan istilah maritim (Kemp, 1981:25). Maritim - yang berkaitan dengan panduarah atau perdagangan melalui laut atau dasar laut (*sea-bed*). Naval - yang berkaitan dengan kapal dan perkapalan.

Kuasa Maritim (*maritime power*) - Ada 3 takrif yang boleh dijelaskan seperti berikut:

- 1) sebuah negara yang menggunakan kemudahan dan sumber-sumber laut secara meluas bagi tujuan pertumbuhan ekonominya,
- 2) sebuah negara yang menggunakan kemudahan dan sumber-sumber daripada laut secara meluas bagi pertumbuhan ekonominya bagi status politik atau keselamatan nasional ataupun kombinasi ketiga-tiganya,